



## SIARAN MEDIA

### **DASAR KELUARGA NEGARA AKAN DIPERKASAKAN BAGI MENGUKUHKAN INSTITUSI KELUARGA DI MALAYSIA**

**KUALA LUMPUR**, 7 Jun. – Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail mengumumkan bahawa Dasar Keluarga Negara akan diperkasakan melalui Majlis Penasihat dan Perundingan Keluarga Negara (MPPKN) bagi mengukuhkan institusi keluarga di negara ini dalam menghadapi perubahan cabaran akan datang.

Wan Azizah yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, MPPKN akan dianggotai oleh pakar-pakar dalam pelbagai bidang berkaitan kekeluargaan.

"Antara perkara utama yang akan dibincangkan ialah **mengkaji semula pelaksanaan Dasar Keluarga Negara, dengan mengambil kira isu dan cabaran keluarga masa kini dan masa hadapan yang dinamik** termasuk isu perkahwinan dan perceraian, kesejahteraan remaja, pengukuhan nilai keluarga, penurunan kadar kesuburan serta penuaan penduduk," tambah Wan Azizah kepada media sebaik selesai kunjungan rasmi ke Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN), agensi utama yang bertanggungjawab dalam bidang pembangunan keluarga di Negara ini.

Sementara itu, selaras dengan Janji 53 di dalam Buku Harapan iaitu "Mendokong keutuhan institusi keluarga dan kejiranan", maka kerajaan akan **memperluaskan program pemerksaan keluarga dan komuniti** bagi mencapai kesejahteraan keluarga.

Pada masa ini, LPPKN sedang melaksanakan Program Pemerksaan Keluarga dan Komuniti (FACE) secara berfasa di 32 buah komuniti terpilih di seluruh negara dan pendekatan pelaksanaan program FACE adalah berasaskan keperluan masyarakat setempat (*evident based*).

Selaras dengan hasrat ini, beliau turut menambah bahawa peranan LPPKN akan diperkukuh sebagai pusat kecemerlangan penduduk dan keluarga berdasarkan kepentingan pengukuhan institusi keluarga sebagai asas kestabilan sosial di dalam masyarakat.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:

**Unit Komunikasi Korporat**  
**Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN)**  
**12B, Jalan Raja Laut**  
**50350 Kuala Lumpur**  
**No. Telefon: 03-2613 7555 samb. 3308 / 3310/ 3309/ 2132**  
**No. Faks : 03-2691 9431**